

# Pupuk UMS diharap dapat diperluas ke Pulau Banggi, Matunggong

DE 11.11.2014

KUDAT: Menteri Tugas-Tugas Khas Datuk Teo Chee Kang berharap Program Perkongsian Keluarga-Universiti (Pupuk) iaitu inisiatif Fakulti Perubatan dan Kesihatan Sains, Universiti Malaysia Sabah (UMS) boleh diperluaskan ke kawasan lain di Kudat termasuklah Pulau Banggi dan Matunggong.

Teo yang juga Adun Tanjung Kapor berkata, impak Pupuk, tidak akan ketara sekiranya ia hanya dihadkan kepada sebuah komuniti kecil.

Beliau percaya sekiranya lebih ramai komuniti bersungguh-sungguh mengambil bahagian dalam Pupuk, kesan program itu akan lebih jelas di seluruh kawasan Kudat.

Teo berkata demikian pada majlis bagi menyaksikan pelantikan keluarga-keluarga angkat kepada pelajar-pelajar perubatan Tahun Pertama dari-pada Fakulti Perubatan dan Kesihatan Sains, UMS bertempat Pusat Pendidikan Perubatan Kampung di Sikuati, Kudat di sini pada Sabtu.

Ini adalah program ke-11 Pupuk bagi sesi 2014/2015. Seramai 160 pelajar mendaftar dalam program ijazah perubatan di UMS tahun ini. Teo berkata Pupuk bermula pada Mac 2004 di mana UMS menggabungkan pelajar-pelajar perubatannya dengan keluarga angkat tempatan yang tinggal di perkampungan sekitar Pusat Pendidikan Perubatan Kampung UMS di Sikuati, Kudat.

“Saya dimaklumkan bahawa kesemua pelajar Tahun Empat UMS diperlukan untuk meluangkan sekurang-kurangnya empat bulan di sana sebagai sebahagian daripada pengajian perubatan mereka.

“Program sedemikian dengan objektif membenarkan pelajar-pelajar untuk mengalami kehidupan luar bandar bagi menyediakan mereka berkhidmat dalam mana-mana bahagian di negara ini selepas menamatkan pengajian perubatan mereka, adalah yang pertama seumpamanya dalam sekolah perubatan di Malaysia.

Teo berkata Pupuk merupakan

sebuah program yang istimewa dan menarik kerana keluarga-keluarga angkat boleh memperkenalkan latar belakang, adat dan budaya etnik mereka kepada pelajar-pelajar berkenaan.

“Pada masa sama, pelajar-pelajar dibenarkan untuk melihat dan belajar lebih tentang proses dan fungsi institusi keluarga untuk pendidikan, perubatan dan tujuan-tujuan kesihatan.”

Program ini bukan hanya mengeratkan jurang perbezaan kebudayaan diantara pelajar-pelajar dan keluarga angkat mereka, malah juga menyediakan peluang kepada pelajar-pelajar untuk memberi nasihat perubatan dan memberi kesedaran kesihatan dalam kalangan penduduk kampung.

Teo berharap pelajar-pelajar, bakal-bakal menjadi doktor, dapat melengkapkan diri mereka bukan sahaja dengan pengetahuan perubatan, tetapi juga prihatin, dedikasi, memahami adat-adat tempatan dan mengambil berat komuniti luar bandar.